



**TAWARAN PENAJAAN  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)  
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT IJAZAH PERTAMA DI  
BAWAH PROGRAM KHAS IJAZAH LUAR NEGARA TAHUN 2022**

**1. PENGENALAN**

Permohonan adalah dipelawa kepada **pelajar cemerlang lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) / Matrikulasi / Persediaan** untuk menyambung pelajaran bagi pengajian **Ijazah Pertama** dalam bidang-bidang yang dikenal pasti di universiti-universiti terkemuka dunia **dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU)**.

**2. SYARAT PERMOHONAN**

Calon-calon yang berminat mestilah memenuhi syarat umum dan khusus permohonan seperti berikut:

**2.1 Syarat Umum**

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Lulus pemeriksaan kesihatan;
- (iii) Ibu dan/atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- (iv) Tidak menerima bantuan kewangan/tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama;

- (v) Tamat pengajian program persediaan yang dikenal pasti (**rujuk perincian di perenggan 2.2**) pada tahun 2022 dengan keputusan minimum yang ditetapkan;
- (vi) **Umur tidak melebihi 22 tahun pada tahun permohonan (atau 23 tahun bagi pelajar peralihan);**
- (vii) Pelajar telah **mendapat tawaran bersyarat / tanpa syarat daripada universiti untuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama secara sepenuh masa;** dan
- (viii) Pelajar perlu memulakan pengajian **sebelum atau pada 31 Disember 2022.**

## 2.2 Syarat Khusus

Memenuhi syarat akademik minimum yang ditetapkan seperti berikut:

<b>Program Persediaan</b>	<b>Syarat Akademik Minimum</b>
Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.50 / 4.00
Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	PNGK 3.50 / 4.00
A-Level dari pusat / kolej persediaan / IPTS tempatan	14 / 15 mata (tanpa C)
International Baccalaureate Diploma Programme (IB) dari pusat / kolej persediaan / IPTS tempatan	35 / 45 mata

### 3. PERINGKAT PENGAJIAN, INSTITUSI TAJAAN DAN BIDANG

#### 3.1 Peringkat Pengajian

Pelajar-pelajar yang ditawarkan penajaan akan ditaja bagi **pengajian peringkat Ijazah Pertama secara sepenuh masa** dalam bidang dan institusi yang ditetapkan sahaja.

#### 3.2 Tempat Pengajian

Pilihan institusi pengajian bagi program penajaan ini adalah **universiti-universiti terkemuka dunia di *ranking* Top 100 dalam *Times Higher Education (THE) World University Rankings, Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings, atau Academic Ranking of World Universities (ARWU)*** berdasarkan kedudukan universiti, di negara-negara yang dikenal pasti sahaja. Senarai universiti adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

#### 3.3 Bidang Pengajian

3.3.1 Penajaan di bawah program ini akan memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang dikenal pasti bagi memenuhi keperluan strategik Perkhidmatan Awam dan Negara.

3.3.2 Program ini mensasarkan penajaan di dalam bidang **Kejuruteraan dan Sains & Teknologi** yang seiring Dasar Sains, Teknologi dan Industri Negara (DSTIN) 2021-2030 serta Rangka Kerja 10-10 Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy (MySTIE) Framework iaitu bidang teknologi teras (*DeepTech*) seperti kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*), *Internet of Things (IOT)*, *blockchain*,

bahan dan teknologi termaju (*Advanced Material*) dan analitik data raya (*Big Data Analytic*). Ini juga termasuk ekonomi hijau (*Green Economy*) yang melibatkan sektor-sektor utama antaranya pembinaan, gunatenaga, pertanian dan pengangkutan.

3.3.3 Kursus-kursus yang diikuti di peringkat Ijazah Pertama **hendaklah mendapat akreditasi penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan mendapat pengiktirafan penuh Badan-badan Profesional bagi kursus-kursus profesional.**

#### 4. BIDANG PENGAJIAN YANG TIDAK DITAJA

Bidang pengajian yang **tidak ditaja** adalah perubatan, pergigian, farmasi pendidikan, kejururawatan, kursus yang mewajibkan pelajar mengambil lesen seperti lesen penerbangan dan kursus profesional seperti ACCA dan *Certified in Legal Practice* (CLP).

#### 5. MEKANISME PERJANJIAN PINJAMAN

Perjanjian pinjaman dikuatkuasakan mengikut empat (4) keadaan PBU seperti berikut:

- (a) Pinjaman **ditukar kepada biasiswa penuh** dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam setelah tamat pengajian;
- (b) **Bayaran balik sebanyak 25%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) setelah tamat pengajian;

- (c) **Bayaran balik sebanyak 50%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara setelah tamat pengajian; dan
- (d) Selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki membayar **balik sepenuhnya nilai pinjaman.**

## 6. CARA MEMOHON

Permohonan dibuka secara dalam talian di laman sesawang eSILA <https://esilav2.ipa.gov.my> selama **sepuluh (10) hari mulai 15 Julai 2022 (Jumaat) jam 5.00 petang sehingga 24 Julai 2022 (Ahad) jam 5.00 petang.** Calon boleh merujuk maklumat program dan *Frequently Ask Question* (FAQ) yang dimuat naik di laman sesawang eSILA bagi maklumat lanjut berhubung program yang ditawarkan. Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini / meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan.

Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan Permohonan Program Khas Ijazah Luar Negara Tahun 2022** sebagai bukti permohonan lengkap telah dibuat.

## 7. PERTANYAAN DAN MASALAH TEKNIKAL

Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal boleh dibuat dengan menghubungi talian *call centre* iaitu **03-8885 3297** mulai **18 sehingga 22 Julai 2022 (5 hari)** dari jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang.

Calon juga boleh mengemukakan pertanyaan menerusi e-mel [penajaan2022@jpa.gov.my](mailto:penajaan2022@jpa.gov.my) (e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja).

## 8. **STUDENT ASSESSMENT CENTRE (SAC)**

Calon-calun yang memohon program penajaan ini **DAN** melepasi syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan dikehendaki untuk menghadiri sesi *Student Assessment Centre* (SAC) yang dijadualkan **pada pertengahan Ogos 2022**. Calon boleh menyemak Portal eSILA dari semasa ke semasa untuk mengetahui maklumat mengenai tarikh dan tempat SAC.

## 9. **KEPUTUSAN PERMOHONAN**

Keputusan permohonan penajaan ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang eSILA <https://esilav2.jpa.gov.my> pada **minggu ke-2 bulan September 2022**. Jika terdapat sebarang perubahan pengumuman tarikh keputusan, ia akan dimaklumkan dalam laman sesawang eSILA. Sekiranya pelajar tidak menerima sebarang notifikasi dalam tempoh 90 hari selepas tarikh keputusan, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

**TAMAT**

LAMPIRAN 1

**SENARAI UNIVERSITI YANG DITAJA DI BAWAH  
PROGRAM KHAS IJAZAH LUAR NEGARA (PIKLN) TAHUN 2022**

Bil.	Universiti	Negara pengajian*	Kedudukan dalam senarai ranking universiti terbaik dunia**		
			THE 2022	QS 2022	ARWU 2021
1	University of Oxford	UK	1	2	7
2	California Institute of Technology	USA	2	6	9
3	University of Cambridge	UK	5	3	3
4	Massachusetts Institute of Technology	USA	5	1	4
5	Princeton University	USA	7	20	6
6	Columbia University	USA	11	19	8
7	Imperial College London	UK	12	7	25
8	Johns Hopkins University	USA	13	25	16
9	University of Pennsylvania	USA	13	13	15
10	UCL	UK	18	8	17
11	University of California, Los Angeles	USA	20	40	14
12	Cornell University	USA	22	21	12
13	Duke University	USA	23	52	32
14	University of Michigan-Ann Arbor	USA	24	23	26
15	Northwestern University	USA	24	30	34
16	New York University	USA	26	42	27
17	London School of Economics and Political Science	UK	27	49	
18	Carnegie Mellon University	USA	28	53	97
19	University of Washington	USA	29	19	85
20	University of Edinburgh	UK	30	16	39
21	LMU Munich	Germany	32		
22	University of California, San Diego	USA	34	48	18
23	King's College London	UK	35	35	47
24	Technical University of Munich	Germany	38	50	52
25	Paris Sciences et Lettres – PSL Research University Paris	France	40	44	38
26	Heidelberg University	Germany	42		
27	Georgia Institute of Technology	USA	45	88	-
28	University of Texas at Austin	USA	47	67	41
29	University of Illinois at Urbana-Champaign	USA	48	82	55
30	University of Manchester	UK	50	27	36
31	Washington University in St Louis	USA	51	-	23
32	University of North Carolina at Chapel Hill	USA	52	100	29

Bil.	Universiti	Negara pengajian*	Kedudukan dalam senarai ranking universiti terbaik dunia**		
			THE 2022	QS 2022	ARWU 2021
33	Seoul National University	South Korea	54	36	-
34	University of Wisconsin-Madison	USA	58	75	31
35	Kyoto University	Japan	61	33	37
36	Boston University	USA	62	-	95
37	University of Southern California	USA	63		61
38	Brown University	USA	64	60	-
39	University of California, Davis	USA	67	-	100
40	University of California, Santa Barbara	USA	68	-	57
41	Charité - Universitätsmedizin Berlin	Germany	73		
42	Humboldt University of Berlin	Germany	74		
43	University of Tübingen	Germany	78		
44	University of Warwick	UK	78	61	-
45	Emory University	USA	82		
46	Free University of Berlin	Germany	83		
47	Ohio State University (Main campus)	USA	85		
48	University of Minnesota	USA	86	-	40
49	Sorbonne University	France	88	72	35
50	Institut Polytechnique de Paris	France	91	49	-
51	University of Bristol	UK	92	62	-
52	University of Maryland, College Park	USA	93	-	56
53	Michigan State University	USA	93		
54	University of California, Irvine	USA	98		70
55	Dartmouth College	USA	99		
56	Korea Advanced Institute of Science and Technology (KAIST)	South Korea	99	41	-
57	University of Florida	USA	-	-	97
58	Purdue University - West Lafayette	USA	-	-	86
59	Vanderbilt University	USA	-	-	65
60	University of Colorado at Boulder	USA	-	-	46
61	Sungkyunkwan University(SKKU)	South Korea	-	97	-
62	Osaka University	Japan	-	75	-
63	University of Birmingham	UK	-	90	
64	Rockefeller University	USA	-	42	-
65	University of California, San Francisco	USA	-	-	20
66	The University of Texas Southwestern Medical Center at Dallas	USA	-	-	48
67	The University of Texas M. D. Anderson Cancer Center	USA	-	-	67



Bil.	Universiti	Negara pengajian*	Kedudukan dalam senarai ranking universiti terbaik dunia**		
			THE 2022	QS 2022	ARWU 2021
68	Yonsei University	South Korea	-	79	-
69	University of Leeds	UK	-	92	-
70	Rice University	USA	-	94	-
71	University of Munich	Germany			49
72	Paris-Saclay University	France	-	86	13
73	The University of Sheffield	UK	-	95	-
74	Tohoku University	Japan	-	82	-
75	Pohang University of Science And Technology (POSTECH)	South Korea	-	81	-
76	Korea University	South Korea	-	74	-
77	Pennsylvania State University	USA	-	96	-
78	University of Southampton	UK	-	77	-
79	Tokyo Institute of Technology (Tokyo Tech)	Japan	-	56	-
80	Durham University	UK	-	82	-
81	Ruprecht-Karls-Universität Heidelberg	Germany	-	63	-
82	Ludwig-Maximilians-Universität München	Germany	-	64	-

Nota:

\*Negara yang dikenal pasti adalah negara yang mempunyai Pejabat Penasihat Pendidikan dan Latihan (PPL) JPA sahaja.

\*\*Berdasarkan senarai *ranking* yang telah disiarkan setakat 18 Mei 2022 iaitu THE World University Rankings 2022, QS World University Rankings 2022 dan ARWU 2021.